



30 April 2012
30 April 2012
P.U. (A) 117

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA PANTAI TIMUR–FASA 2) 2012

FEDERAL ROADS (EAST COAST EXPRESSWAY–PHASE 2) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA PANTAI TIMUR–FASA 2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Terengganu, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Pantai Timur–Fasa 2) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 April 2012.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Pantai Timur–Fasa 2 yang bermula dari kilometer 365.544 di Persimpangan Bertingkat Bukit Besi (di koordinat U -15392.721, T +33595.713 Grid Cassini Negeri Terengganu) dan berakhir di kilometer 424.793 (di koordinat U +34307.904, T +13156.195 Grid Cassini Negeri Terengganu) (kedua-dua jarak diukur dari Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur melalui Lebuh Raya Kuala Lumpur–Karak, Lebuh Raya Pantai Timur–Fasa 1 dan Lebuh Raya Pantai Timur–Fasa 2) termasuklah Persimpangan Bertingkat Bukit Besi, Persimpangan Bertingkat Ajil, Persimpangan Jalan Telemung, Persimpangan Bertingkat Telemung dan jalan-jalan sambungannya iaitu suatu jarak sepanjang 59.249 kilometer diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

Pembatalan

3. Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Pantai Timur–Fasa 2) 2011 [*P.U. (A) 281/2011*] dibatalkan.